

IMPAK AGIHAN ZAKAT TERHADAP KUALITI HIDUP ASNAF DI SELANGOR

Teh Suhaila Tajuddin
Aza Shahnaz Azman
Noraini Shamsuddin

Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia
tehsuhaila@kuis.edu.my, azashahnaz@kuis.edu.my,
noraini.shamsuddin@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kualiti hidup di kalangan asnaf bandar dilihat masih ditahap yang sama dan dibelenggu kemiskinan. Meskipun institusi zakat telah menyantuni asnaf dengan pelbagai bentuk program pembangunan dan sendiri, namun masih terdapat kelompangan yang masih wujud iaitu jurang agihan pendapatan yang masih lagi mencerminkan kemiskinan bandar menjadikan agihan zakat kurang memberi impak yang maksimum. Kajian ini bertujuan mengenalpasti apakah faktor penyumbang agihan zakat yang mempengaruhi kualiti hidup asnaf di bandar. Kajian ini telah dijalankan di empat daerah di sekitar Selangor merangkumi kawasan Petaling, Semenyih, Kajang dan Ampang yang melibatkan 196 responden di kalangan asnaf fakir dan miskin bandar. Kawasan-kawasan tersebut adalah merangkumi kawasan tahap urbanisasi yang tinggi sehingga menjangkau kepada tahap (5.651 juta) penduduk keseluruhan negeri Selangor pada tahun 2013. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi sikap amil tempatan (3.95) merupakan faktor utama yang signifikan terhadap kualiti hidup asnaf. Dimensi ini memainkan peranan yang penting dimana amil yang dilantik oleh institusi zakat mampu untuk mengubah corak pemikiran asnaf. Dimensi ini menjadi indikator penilai peningkatan kepada kualiti hidup asnaf bandar di negeri Selangor. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa penyertaan sosial (3.94) merupakan dimensi utama kualiti hidup yang banyak dipengaruhi oleh kepuasan agihan zakat tersebut. Purata ini menunjukkan penyertaan sosial amat berkait rapat dengan persepsi asnaf terhadap masyarakat sekeliling. Bantuan pembangunan sosial yang disediakan oleh institusi zakat merangkumi bantuan perubatan, perumahan, makanan dan minuman. Setiap jenis bantuan ini dilihat telah mempengaruhi kualiti kehidupan asnaf di negeri Selangor.

Kata kunci: *Asnaf fakir dan miskin, bandar, agihan zakat, kualiti hidup asnaf dan sikap amil*

1. Pengenalan

Zakat telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada nadi perekonomian Islam, dimana zakat dikenakan ke atas harta dan sumber-sumber perolehan tertentu pada kadar tertentu dan diagihkan kepada golongan tertentu. Namun begitu, aspek pengagihan zakat kepada kumpulan sasaran tertentu perlu dititikberatkan oleh institusi zakat yang mempunyai sistem kutipan zakat yang cekap. Kumpulan sasaran utama adalah golongan asnaf fakir dan miskin. Zakat yang produktif mampu menjana peningkatan ekonomi yang menyumbang ke arah kehidupan yang lebih berkualiti kepada penerima zakat khususnya asnaf fakir dan miskin. Kesan hasil daripada pengagihan dana zakat yang optimum seharusnya mampu untuk mengeluarkan golongan asnaf daripada terus dibelenggu oleh kemiskinan, sehingga akhirnya berupaya menjadikan mereka sebagai pengeluar zakat. Jurang perbezaan di antara golongan kaya dan golongan miskin dapat diminimumkan melalui agihan zakat yang cekap, menyeluruh dan adil. Ini kerana fungsi utama zakat adalah membasmi kemiskinan.

Dari sudut perspektif keagamaan, zakat merupakan mekanisme yang berupaya membersihkan harta yang dimiliki sekaligus ia mampu menyucikan jiwa pembayar zakat daripada sifat tamak haloba dan iri hati. Kepelbagaian fungsi zakat ini jelas menunjukkan bahawa zakat adalah satu ibadah yang diwajibkan kerana faedah yang diperolehi tidak secara fizikal malah ia adalah ibadah yang dituntut dalam menuju kehidupan akhirat. Al-Quran telah menggariskan satu panduan khusus bagi membantu golongan kurang berkemampuan melalui menggunakan sistem agihan zakat selain daripada bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi membantu rakyat yang masih dibelenggu kemiskinan. Lebih membimbangkan adalah melihat kepada kualiti hidup di kalangan asnaf fakir dan miskin bandar masih ditahap yang sama dan dibelenggu kemiskinan. Meskipun institusi zakat telah menyantuni asnaf dengan pelbagai bentuk program pembangunan dan sendiri, namun masih terdapat kelompangan yang masih wujud iaitu jurang agihan pendapatan yang masih lagi mencerminkan kemiskinan bandar menjadikan agihan zakat kurang memberi impak yang maksimum.

Hasil kajian oleh Patmawati (2008), penggunaan indeks *Gini-Coefficient* iaitu indeks pengukuran jurang pendapatan, mendapati, agihan zakat telah menunjukkan penurunan ketidakseimbangan pendapatan di beberapa buah negara di Malaysia. Kajian ini juga merumuskan bahawa zakat agihan pendapatan mampu memperbaiki jurang dalam kalangan para pengeluar padi di Malaysia. Beliau telah menggunakan indeks *Atkinson*, *Keluk Lorenz* dan *Gini Indeks* bagi membuktikan kesan positif agihan zakat dalam memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan dikalangan asnaf fakir dan miskin di Selangor. Hujahan ini membuktikan melalui agihan dana zakat di Pakistan oleh Jehle (1994), dengan menggunakan kaedah AKS yang mendasari konsep "*equally distributed equivalent income*" mampu mengurangi jurang pendapatan. Walaupun peratusan penurunan tersebut adalah kecil namun hasil kajian tersebut menunjukkan kesan zakat telah mengurangi ketidakseimbangan pendapatan di Pakistan. Disiplin ilmu zakat dengan pembuktian-pembuktian yang lain menyimpulkan bahawa zakat mampu mengurangi ketidakseimbangan jurang pendapatan dan juga berpotensi mengeluarkan golongan fakir dan miskin dari kancas kemiskinan. Tumpuan harus diberikan melalui peringkat pelaksanaan program-program bantuan agar kesan agihan zakat dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik.

Selain daripada institusi zakat yang telah dilantik oleh pihak berkuasa, individu yang berperanan di dalam urusan kutipan dan pengagihan zakat adalah tokoh amil yang tersohor dan diiktiraf oleh masyarakat setempat sejak berkurun abad lagi. Pada zaman dahulu, peranan amil tempatan ini diterajui oleh para imam, bilal serta ustaz-ustaz yang

bertindak sebagai amil secara tidak formal di dalam pengurusan dana zakat daripada masyarakat yang berkemampuan kepada masyarakat setempat yang memerlukan. Kini, peranan tersebut telah diambil alih oleh badan yang diiktiraf oleh setiap majlis agama Islam negeri di Malaysia. Namun begitu, masih terdapat beberapa kawasan pedalaman yang masih menggunakan khidmat para bilal dan imam sebagai amil di kawasan mereka. Justeru dengan pengiktirafan masyarakat setempat terhadap tokoh keagamaan ini, institusi zakat telah mengambil inisiatif dengan melantik para imam dan bilal dikawasan tersebut sebagai amil yang bertauliah. Perlantikan ini adalah salah satu cara pengurusan bagi kawasan yang terpencil dan untuk mengelak daripada kebocoran dana zakat yang dikutip. Hasil kajian daripada Sanep, Hairunnizam dan Adnan (2006), mendapat terdapat beberapa kelompok masyarakat atau individu yang berpandangan mereka mampu menghulurkan sendiri zakat kepada sanak saudara juga jiran tetangga yang dilihat secara kasar kurang berkemampuan. Tindakan ini akan mengakibatkan agihan yang tidak telus dan kurang efisien malah tidak adil jika masih terdapat asnaf yang diabaikan di dalam kelompok masyarakat disitu yang benar-benar dikategorikan di dalam golongan asnaf fakir miskin.

Maka, institusi zakat yang berperanan sebagai amil institusi perlu menguruskan dana kutipan zakat dan mengagihkannya kepada golongan asnaf secara berkesan. Namun begitu, terdapat beberapa permasalahan yang menimpa institusi zakat, dimana ia menimbulkan perdebatan dan kekeliruan dikalangan masyarakat sendiri terhadap institusi ini. Antara masalah yang sering diutarakan ialah dari segi ketelusan institusi ini menguruskan dana zakat. Kedua, masalah kemiskinan yang masih mencatatkan peratusan yang tinggi walaupun agihan wang zakat telah dilaksanakan. Ketiga, masalah ketidakpuasan hati pembayar zakat. Menurut Sanep, Hairunnizam dan Adnan (2006), hal ini boleh mengakibatkan jumlah peratus kutipan menurun rentetan daripada ketidakpuasan pembayar zakat terhadap institusi zakat. Malah lebih membimbangkan jika perkara ini berlanjutan, maka terdapat kebocoran agihan wang zakat dan kutipan akan semakin berkurangan juga kerana pembayar membayar zakat fitrah sahaja (Muhammad Syukri, 2002). Hakikat bahawa zakat memberi kesan keatas agihan pendapatan yang lebih seimbang sememangnya telah terbukti, namun kelompangan yang masih wujud iaitu jurang agihan pendapatan yang masih lagi mencerminkan kemiskinan menjadikan agihan zakat kurang memberi impak yang maksimum. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti faktor penyumbang agihan zakat yang mempengaruhi kualiti hidup asnaf fakir dan miskin di bandar.

2. Keyakinan Terhadap Bantuan Agihan Zakat

Seiring dengan perkembangan ekonomi dalam kalangan umat Islam hari ini, jumlah kutipan zakat mencatatkan prestasi yang meningkat saban tahun. Seterusnya, institusi zakat berperanan mengagihkan dana zakat secara adil, telus dan efisien kepada golongan asnaf. Namun begitu, isu keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat masih membelenggu umat Islam (Md Hairi et. al, 2012). Tidak dinafikan bahawa institusi zakat terdedah kepada penilaian umum masyarakat Islam disebabkan ia merupakan sebuah institusi yang memegang kepercayaan awam. Antara isu yang diperdebatkan adalah salahguna dana zakat, kebocoran dana zakat yang dilakukan oleh amil yang dilantik, pengurusan yang tidak cekap serta kadar kemiskinan yang masih meningkat setiap tahun, (Norazlina & Abdul Rahim, 2013). Oleh itu, Iman & Sanep (2011) menyarankan bahawa tahap keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat wajar diselidiki dari aspek kutipan dan juga agihan memandangkan institusi zakat sangat

berperanan dalam masyarakat. Maka, punca ketidakpercayaan terhadap institusi zakat perlu dikenalpasti samaada dari persepsi pembayar mahupun penerima zakat.

Tahap keyakinan terhadap agihan zakat yang rendah akan memberi impak negatif kepada negara amnya dan kepada masyarakat Islam khususnya. Antaranya, berlakunya pengelakan zakat di mana masyarakat menjadikan ketidakpuasan ini sebagai alasan, di samping krisis keimanan dan moral yang menimpa umat Islam masa kini. Mereka akan sedaya-upaya mengelak dari melaksanakan kewajipan berzakat disebabkan kejahilan. Akibatnya, usaha-usaha membasmi kemiskinan tidak dapat dioptimumkan. Selain itu, tahap keyakinan masyarakat yang rendah boleh membawa kepada masalah kebocoran dan ketidakpatuhan (Md Hairi et. al, 2012 & Sanep et al. 2006). Disebabkan terdapat segilintir masyarakat Islam yang kurang mempercayai institusi zakat terutama dalam isu agihan, maka mereka akan mencari alternatif lain untuk melaksanakan kewajipan berzakat. Oleh itu, masih terdapat pembayar zakat yang membayar zakat terus kepada penerima zakat (Sanep & Hairunnizam 2005; Sanep et al. 2006). Walau bagaimanapun, tindakan ini dirasakan tidak wajar kerana dibimbangi akan wujudnya ketidakadilan dalam mengenal pasti penerima zakat. Maka, penyelesaian kepada permasalahan ini perlu diperhalusi agar dapat dibendung dari terus berleluasa dalam kalangan masyarakat Islam.

Beberapa kajian lepas memperlihatkan bahawa persepsi segelintir masyarakat beranggapan bahawa pengurusan insitusi zakat dalam aspek agihan dianggap masih kurang memuaskan (Sanep Ahmad & Hairunnizam, 2005; Hairunnizam & Sanep, 2014). Mereka tidak berpuas hati dengan pengurusan insitusi zakat dan tidak yakin dengan keupayaan insitusi zakat dalam menguruskan pengagihan zakat. Antara isu yang masih menjadi perdebatan dalam kalangan masyarakat ialah masih masih terdapat golongan fakir dan miskin di Selangor, proses permohonan yang rumit dan mengambil masa, serta isu kelayakan asnaf (Mohamed Dahan 1998). Asnaf dikehendaki mengisi borang dan melalui beberapa proses tapisan yang rumit. Selain dari itu institusi zakat turut dikritik kerana gagal mengenalpasti dengan tepat jumlah penerima zakat (Muhammad Syukri, 2006). Masalah birokrasi dan serakan geografi turut menjadi halangan pengagihan yang cekap (Muhammad Syukri, 2006). Ini kerana terdapat golongan asnaf yang duduk di ceruk kampung dan kawasan pedalaman yang tidak pernah dikunjungi oleh pegawai zakat ataupun wakil-wakil yang telah dilantik seperti ketua kampung ataupun ahli jawatankuasa masjid.

Kajian Hairunnizam et al. (2009) mendapati ramai pembayar zakat tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat. Antara alasan ketidakpuasan hati yang diberikan ialah pengagihan zakat tidak jelas, maklumat pengagihan tidak menyeluruh, pengagihan tidak menyeluruh mengikut asnaf dan agihan yang tidak mencukupi. Masalah ketidakpuasan hati dalam kalangan pembayar zakat adalah perkara yang penting perlu diselesaikan kerana dibimbangi di masa akan datang mereka ini lebih cenderung untuk berhenti membayar melalui institusi zakat.

Isu ketepatan maklumat pengagihan yang tidak jelas dan proses pengagihan yang tidak telus turut menarik perhatian masyarakat (Muharman et al. 2012). Ini kerana terdapat asnaf yang menerima jumlah dan bentuk bantuan yang berbeza berbanding asnaf yang lain. Walaupun institusi zakat menjustifikasikan perbezaan tersebut perlu berdasarkan keperluan yang berbeza, namun maklumat tersebut tidak sampai kepada pihak yang tidak berpuashati. Selain itu jumlah agihan zakat yang kecil dan tidak seimbang dengan keperluan taraf hidup terutamanya asnaf di bandar turut menyebabkan ketidakpuasan hati (Fuadah et al. 2014). Masyarakat merasakan institusi zakat perlu menjalan kajian terperinci dalam menentukan jumlah agihan yang mampu mengurangkan beban golongan asnaf. Bagi asnaf yang tinggal di bandar, kos sara hidup

yang tinggi meliputi kos sewaan rumah, pengangkutan serta harga barangan dan perkhidmatan yang secara relatifnya lebih mahal tidak dapat ditampungi sekiranya jumlah bantuan zakat yang diberi adalah kecil.

Kecekapan sistem agihan zakat sekiranya dapat direalisasikan secara menyeluruh di seluruh negeri di Malaysia, mampu memberi kesan yang besar kepada taburan kemiskinan negara. Sebagai contoh Fuadah et al. (2014) telah membincangkan bahawa pertambahan jumlah agihan zakat yang disalurkan kepada mualaf berdaftar di negeri Selangor telah dapat membantu golongan ini berhadapan dengan kesukaran dan kemiskinan hidup. Dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi keyakinan individu terhadap pengurusan institusi zakat, maka semakin tinggi kepatuhan individu untuk membayar zakat kepada institusi zakat (Sanep et al. 2006). Oleh itu, institusi zakat perlu mengambilkira pelbagai aspek yang perlu ditambahbaik dalam pengurusan agihan zakat agar tahap keyakinan masyarakat Islam dapat ditingkatkan dan dapat mengurangkan kesan negatif akibat ketidakpercayaan terhadap institusi zakat.

3. Metodologi

Kajian berbentuk kuantitatif ini bertujuan mengenalpasti faktor penyumbang agihan zakat yang mempengaruhi kualiti hidup asnaf di bandar. Kajian ini mengadaptasi Model Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin oleh Hairunnizam dan Sanep (2004). Faktor yang dikenalpasti diadaptasi di dalam kajian ini adalah faktor kepuasan terhadap agihan zakat dan impaknya terhadap kualiti hidup asnaf yang mengambilkira dimensi-dimensi meliputi jumlah bantuan zakat, mutu atau kualiti bantuan, kekerapan atau penyerahan bantuan, prosedur permohonan bantuan, prosedur penyerahan bantuan, keberkesanan bantuan zakat dan sikap amil tempatan. Dimensi kualiti hidup adalah berdasarkan Burnel et al. (1992), yang menyatakan bahawa tujuh (7) dimensi utama didalam kualiti hidup iaitu makanan dan minuman, pakaian, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan atau perubatan, pendidikan, perumahan dan perlindungan dan penyertaan sosial.

Oleh itu, kerangka kajian yang dibentuk adalah berdasarkan dimensi yang telah dikenalpasti dan dibahagikan kepada dua pembolehubah yang utama iaitu pembolehubah eksogenus dan pembolehubah endogenus. Maka, kajian ini mengenalpasti apakah faktor kepuasan agihan bantuan zakat yang mempengaruhi kualiti hidup asnaf fakir miskin di Selangor.

Unit analisis kajian ini adalah dalam kalangan asnaf fakir dan miskin sahaja. Golongan asnaf fakir dan miskin bandar adalah sasaran utama bagi kajian ini kerana golongan ini perlu mendapat perhatian awal oleh institusi zakat. Tambahan pula, mereka tinggal di kawasan bandar yang memerlukan kos sara hidup yang tinggi disamping kesan kegawatan ekonomi yang meningkatkan bilangan asnaf fakir dan miskin khususnya di Negeri Selangor. Sampel kajian ini merangkumi empat mukim di sekitar Selangor meliputi kawasan Petaling, Semenyih, Kajang dan Ampang. Seramai 196 responden di kalangan asnaf fakir dan miskin bandar telah berjaya diperolehi dan dianalisis. Kaedah persampelan yang digunakan adalah *Disproportional-Quota sampling* dimana individu asnaf yang dikaji daripada empat (4) buah mukim mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai responden (Tabachnick et al., 2001). Dengan persampelan berdasarkan beberapa ciri-ciri dan kriteria, maka kaedah ini adalah yang terbaik untuk bertindak sebagai analisis kajian. Bilangan sampel bagi setiap kawasan yang dikaji adalah berkadar dengan jumlah penduduk dikawasan

tersebut. Dengan cara ini sampel yang dipilih telah dapat mewakili populasi sasaran (Mohd Fauzi et al., 2006).

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui instrumen borang kaji selidik bagi memperolehi data primer. Pembinaan soal selidik adalah pengikut pembolehubah serta dimensi yang telah dikenalpasti berdasarkan model kerangka Hairunnizam dan Sanep (2004). Kesemua faktor dianalisis menggunakan pengujian inferensi seperti korelasi *Pearson* serta Regresi *Logistik*. Penggunaan kaedah ini adalah untuk melihat impak agihan zakat terhadap kualiti hidup asnaf di Selangor. Penganalisaan faktor demografi adalah menggunakan kaedah statistik diskriptif (frekuensi, min dan peratusan) dan seterusnya faktor bebas dan bersandar adalah menggunakan statistik inferensi (ujian regresi dan signifikan) menggunakan *Statistical Package of Science Social (SPSS)*. Kesemua pengujian ini adalah untuk melihat hubungan diantara faktor exogenous terhadap faktor endogenous.

4. Perbincangan dan Hasil Empirikal

4.1 Analisis Deskriptif

Lokalisasi kajian lebih tertumpu kepada kawasan bandar (72.4%) berbanding kawasan di luar bandar (27.6%). Ini adalah kerana kualiti hidup yang dikaji adalah berdasarkan kawasan bandar dimana ia berkait rapat dengan tahap fasiliti atau kemudahan yang disediakan oleh pihak perbandaran untuk keperluan rakyat setempat. Kajian-kajian lepas menyatakan kemudahan fasiliti yang stabil mampu mencorakkan kualiti hidup rakyat yang lebih baik. Ia bertepatan dengan kajian ini iaitu kualiti hidup asnaf lebih tertumpu kepada asnaf yang berada di kawasan bandar. Berdasarkan pendapatan garis kemiskinan negara (EPU, 2013) menyatakan individu yang menerima pendapatan kurang daripada RM850 maka mereka diiktirafkan sebagai miskin bandar. Waima, Selangor telah mengambil langkah inisiatif untuk meningkatkan pendapatan garis kemiskinan ini kepada tahap yang lebih tinggi iaitu RM1,500 sebulan. Maka lebih ramai asnaf yang menerima bantuan daripada kerajaan negeri untuk meneruskan kelangsungan hidup di kawasan bandar.

Responden dalam kajian ini terdiri daripada 80 orang asnaf lelaki (40.8%) dan 116 orang perempuan (59.2%) yang majoritinya berumur dalam lingkungan 41 tahun hingga 50 tahun (38.8%). Manakala peringkat umur kedua tertinggi adalah diantara 51 tahun hingga 60 tahun (29.6%). Kajian juga mendapati majoriti asnaf adalah dikalangan yang berkahwin dengan catatan sebanyak 63.8 peratus berbanding duda atau janda dengan peratusan hanya sebanyak 33.2 peratus. Hanya 34.2 peratus mencatatkan kadar peratusan pendidikan diperingkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP), berbanding asnaf yang mempunyai pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan bilangan sebanyak 74 orang (37.8%). Manakala golongan asnaf yang tidak berpelajaran hanya mencatatkan bilangan sebanyak 49 orang iaitu 25 peratus daripada keseluruhan asnaf yang dikaji. Ini menunjukkan majoriti asnaf mempunyai sekurang-kurangnya pendidikan diperingkat sekolah menengah.

Jadual 1. Maklumat Latar Belakang Responden


Latar Belakang		Kekerapan	Peratusan
		<i>n</i>	%
Kawasan	Bandar	142	72.4
	Luar Bandar	54	27.6
Jantina	Lelaki	80	40.8
	Perempuan	116	59.2
Umur	20 tahun – 40 tahun	35	17.9
	41 tahun – 50 tahun	76	38.8
	51 tahun – 60 tahun	58	29.6
	61 tahun – 70 tahun	19	9.7
	71 tahun – 80 tahun	8	4.1
Status	Bujang	6	3.1
Perkahwinan	Berkahwin	125	63.8
	Duda/Janda	65	33.2
Pendidikan	Sijil Rendah Pelajaran (SRP)	67	34.2
	Sijil Pendidikan Malaysia (SPM)	74	37.8
	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	1	0.5
	Sijil / Diploma	5	2.6
	Lain-lain (tiada pelajaran formal)	49	25.0

Sumber: Kajian Lapangan, 2015.

4.2 Faktor Utama Keyakinan Agihan Zakat terhadap Kualiti Hidup Asnaf

Merujuk kepada Rajah 1, dimensi yang paling tinggi tahap kepuasan dan keyakinan adalah dimensi sikap amil tempatan (3.95). Dimensi ini memainkan peranan yang penting dimana amil yang dilantik oleh institusi zakat mampu untuk mengubah corak pemikiran asnaf. Dengan galakan daripada persekitaran yang membantu mereka untuk lebih berdikari juga memupuk sendiri mereka untuk keluar daripada kancan kemiskinan. Kajian oleh Hairunnizam (2012), menyatakan kesediaan amil memikul tanggungjawab untuk memastikan pengurusan kutipan dan agihan zakat telah dipertingkatkan dari tahun ke tahun. Keterbukaan pihak pengurusan zakat dalam memastikan kecekapan agihan berlaku dengan baik dan memperoleh keputusan yang begitu memberangsangkan melalui hasil kutipan di negeri Selangor yang semakin meningkat. Tanggapan masyarakat terhadap pengurusan pihak institusi zakat serta amil yang dilantik membuktikan bahawa agihan terhadap bantuan zakat mampu mendorong asnaf untuk keluar daripada kemiskinan. Secara keseluruhannya, kesemua dimensi menunjukkan tahap keyakinan yang memuaskan iaitu melebihi purata 3.00. Setiap dimensi menyumbang kepada purata keyakinan agihan zakat sebanyak (3.71). Purata keyakinan agihan zakat ini dapat dilihat melalui ketujuh-tujuh dimensi yang dikaji.

Seterusnya, hasil kajian juga menunjukkan dimensi utama kualiti hidup yang dipengaruhi oleh kepuasan agihan zakat tersebut. Antara ketujuh-tujuh dimensi yang dikaji, purata yang paling tinggi adalah penyertaan sosial (3.94). Purata ini menunjukkan ia berkait rapat dengan persepsi asnaf terhadap masyarakat sekeliling. Melalui sokongan daripada pihak institusi serta amil-amil tempatan, asnaf di Selangor banyak melibatkan diri di dalam aktiviti kemasyarakatan. Institusi masjid merupakan salah satu institusi yang berperanan memberi pendedahan kepada asnaf melalui program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh LZS.



Rajah 1. Analisis Kerangka Kajian

Kualiti hidup didalam konteks kehidupan di Malaysia (EPU, 2013) menitikberatkan tiga perkara iaitu (1) mengkaji status kualiti hidup semasa di bandar, (2) menganalisis status kualiti hidup penduduk bandar berasaskan tiga komponen yang utama iaitu kesediaan diri, persekitaran bandar dan juga akses bandar dan (3) menilai semula makna kualiti hidup penduduk bandar dengan mengambil kira multidimensi yang berlainan.

Merujuk kepada Jadual 2, taburan kualiti hidup golongan asnaf fakir miskin di sekitar Hulu Langat Selangor dengan mengambilkira kualiti hidup semasa di bandar yang bersifat multidimensi (Seashore, 1978; Unit Perancang Ekonomi, 2013) sebagai petunjuk kualiti hidup merangkumi persekitaran fizikal, pengangkutan dan perhubungan, ekonomi dan persekitaran sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti golongan miskin di Selangor berpuas hati terhadap kualiti hidup mereka. Kualiti hidup dari segi bantuan perubatan memberi impak yang paling tinggi (94.1%) terhadap kepuasan kualiti hidup mereka. Ini menunjukkan bahawa golongan ini menerima bantuan atas keperluan perubatan. Seterusnya, kualiti hidup dari segi penyertaan sosial mereka (93%) dan juga kemasyarakatan turut memberikan kesan yang tinggi. Dorongan serta sokongan masyarakat terhadap asnaf merupakan satu tahap motivasi yang tinggi dengan tidak memandang rendah terhadap keupayaan mereka untuk berinteraksi di dalam komuniti setempat. Ini menunjukkan, bantuan zakat mampu mengubah pandangan mereka tentang kemasyarakatan.

Manakala bagi taburan ketidakpuasan hati terhadap kualiti hidup adalah komponen pakaian dan juga pendidikan dengan masing-masing mencatatkan peratusan yang paling tinggi iaitu 48.9 peratus dan 22.4 peratus. Ini menunjukkan bahawa golongan ini memerlukan bantuan zakat untuk keperluan pakaian dan juga pendidikan anak-anak mereka. Ia selaras dengan dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bahawa pendidikan anak-anak merupakan keperluan utama tidak kira samada di bandar mahupun di luar bandar. Pendekatan yang disalurkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dilihat telah mampu meningkatkan kualiti hidup mereka melalui bantuan agihan zakat. Majoriti golongan fakir miskin di Selangor berpuas hati terhadap kualiti hidup

mereka atas bantuan yang diberikan oleh pihak institusi zakat. Aspek kualiti hidup perumahan atau perlindungan turut mencatatkan peratusan yang agak tinggi iaitu dengan catatan sebanyak 84.5 peratus. Ini menunjukkan bahawa nasib golongan asnaf ini terbela hasil daripada pelaksanaan beberapa dasar kerajaan tentang hak perumahan rakyat di negeri Selangor. Secara teorinya, segala bentuk bantuan yang salurkan secara fizikal mampu memberi perubahan kepada kualiti hidup mereka walaupun tidak ketara. Keperluan bantuan secara produktif seperti bantuan kewangan, bantuan perubatan, bantuan pendidikan anak-anak dan juga bantuan modal perniagaan adalah berbentuk bantuan keperluan hidup asnaf fakir miskin. Manakala bantuan dari segi pakaian hanyalah merupakan bantuan pindaan yang berbentuk sementara. Justeru, keseluruhan penyelidikan ini telah memenuhi objektif untuk melihat impak daripada saluran bantuan keatas kualiti hidup asnaf fakir miskin di Selangor.

Jadual 2. Taburan Kualiti Hidup

Kualiti Hidup	Puas Hati (%)	Tidak Puas Hati (%)
Makanan dan Minuman	77.6	22.4
Pakaian	51.1	48.9
Peangkutan dan Perhubungan	82.6	17.4
Pendidikan	77.6	22.4
Perubatan	94.1	5.9
Perumahan / Perlindungan	84.5	15.5
Penyertaan Sosial	93.0	7.0

Sumber: Kajian Lapangan, 2015.

5. Kesimpulan

Agihan bantuan zakat memberi impak yang signifikan terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin khususnya di Negeri Selangor. Dimensi yang paling tinggi tahap kepuasan dan keyakinan adalah dimensi sikap amil tempatan (3.95). Dimensi ini menjadi indikator penilai peningkatan kepada kualiti hidup asnaf bandar di negeri Selangor. Dimensi ini juga memainkan peranan yang penting dimana amil yang dilantik oleh institusi zakat mampu untuk mengubah corak pemikiran asnaf. Peranan amil tempatan wajar dipertingkatkan melalui bimbingan dan latihan yang berterusan sebagai usaha memaksimumkan impak agihan zakat. Mereka perlu peka dengan persekitaran dan menyantuni asnaf dengan mesra agar aduan umum berkaitan asnaf dapat ditangani dengan baik dan berkesan. Kesan hasil daripada pengagihan dana zakat yang optimum mampu untuk mengeluarkan golongan asnaf daripada terus dibelenggu oleh kemiskinan dan seterusnya menjadikan mereka sebagai pembayar zakat. Secara keseluruhannya, ketujuh-tujuh dimensi iaitu jumlah bantuan zakat, mutu atau kualiti bantuan, kekerapan atau penyerahan bantuan, prosedur permohonan bantuan, prosedur penyerahan bantuan, keberkesanan bantuan zakat dan sikap amil tempatan memberi kesan terhadap tahap keyakinan agihan zakat yang memuaskan iaitu melebihi purata 3.00. Setiap dimensi ini menyumbang kepada purata keyakinan agihan zakat sebanyak (3.71). Setiap faktor ini mempunyai impak yang berbeza terhadap kualiti hidup asnaf.

Bagi dimensi kualiti hidup yang dipengaruhi oleh kepuasan agihan zakat, purata yang paling tinggi adalah penyertaan sosial (3.94). Purata ini menunjukkan kualiti hidup berkait rapat dengan persepsi asnaf terhadap masyarakat sekeliling. Melalui sokongan

daripada pihak institusi serta amil-amil tempatan, asnaf fakir dan miskin perlu banyak melibatkan diri di dalam aktiviti kemasyarakatan. Institusi masjid merupakan salah satu institusi yang berperanan memberi pendedahan kepada asnaf melalui program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh institusi zakat. Setiap purata ini menyumbang kearah kualiti hidup yang lebih baik dengan purata kepuasan adalah sebanyak (3.58).

Dapatan kajian juga merumuskan bahawa setiap komponen kualiti hidup asnaf mempunyai nilai yang berbeza. Dapatan taburan kualiti hidup menunjukkan bantuan zakat berbentuk bantuan perubatan (94.1%) dan penyertaan sosial (93%) merupakan peratusan kepuasan kualiti hidup yang tertinggi menyumbangkan kepada tahap kepuasan hati. Bantuan perubatan dan pendidikan adalah bersifat *non-fiscal* kerana bantuan ini berbentuk perkhidmatan dan berbentuk jangka panjang. Menurut Laporan Zakat 2013, bantuan berbentuk pembangunan sosial (53.7%) adalah tertinggi berbanding bantuan pembangunan yang lain seperti bantuan pendidikan (31.1%), bantuan insan (5.5%), bantuan Institusi Agama (5.4%), dan bantuan untuk ekonomi (4.3%). Bantuan pembangunan sosial meliputi bantuan perubatan, perumahan, makanan dan minuman. Manakala bagi ketidakpuasan hati yang tertinggi adalah merujuk kepada pakaian (48.9%) dan pendidikan (22.4%). Setiap daripada hasil dapatan ini menggambarkan kepuasan hati asnaf terhadap kualiti hidup mereka di bandar. Ini kerana kualiti hidup asnaf dibandar lebih tertekan walaupun capaian kemudahan agak selesa berbanding kemudahan di luar bandar. Tekanan ekonomi dan juga tekanan taraf hidup memungkinan kualiti hidup asnaf lebih terdesak berbanding kualiti hidup asnaf di luar bandar yang lebih nyaman dari hiruk pikuk bandar. Malah menurut Asmah Ahmad (2005), kesediaan persekitaran boleh mempengaruhi kualiti hidup yang baik dan sebaliknya. Kualiti hidup yang baik mampu mencerminkan persekitaran yang baik. Maka, peningkatan kualiti hidup yang baik adalah hasil daripada pengurusan persekitaran yang baik.

Rujukan

- Al-Quran, Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. (1998). Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1995). Fiqh dan Perundangan Islam. Jilid Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Azahan, A., Hadi, H. S., Aiyub, K. (2008). Penilaian Makna Kualiti Hidup dan Aplikasinya dalam Bidang Pengurusan Persekitaran di Malaysia. *Akademika*, 72: 45-68.
- Azahan Awang, Abdul Samad Hadi, Jamaluddin Md. Jahi, Asmah Ahmad, & Abdul Hadi Harman Shah. (2006). Mendefinisi semula makna kualiti hidup dalam konteks ilmu sosial. *Malaysian Journal of Environmental Management* 7: 19-32.
- Brown, A. L. (2002). Increasing the Utility of Urban Environmental Quality Information. *Landscape and Urban Planning*, 992:1-9.
- Burch, U., Fusun U. & Umit, G. (2001). A Multidimension Approach to Urban Quality of Life: The case of Istanbul. *European Journal of Operational Research*. 130: 361-374.
- Burnell, J. D. & Galster, G. (1992). Quality of Life and Urban Size: An Empirical Note. *Urban Studies* (29), 727-735.
- Fauzi, H., Noraini, I., Madeline, B., & Faridah. S. (2006). Kemiskinan di Kalangan Masyarakat Orang Asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 40: 95-101.

- Fuadah Johari, Ahmad Fahme Mohd Ali, Muhammad Ridhwan Ab Aziz & Nursilah Ahmad. (2014). The Importance of Zakat Distribution and Urban-Rural Poverty Incidence among uallaf (New Convert). *Asian Social Science*, Vol. 10, No.21.
- Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2014). Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2): 41 – 50.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2004). Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1 (1): 151-166.
- Hairunnizam. W., Ahmad, Sanep & Mohd. Noor, M. A. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia, 1-9.
- Hairunnizam. Wahid., Mohd. Noor, Mohd Ali & Ahmad, Sanep (2005). Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya? *IJMS*, 12(2): 171-189.
- Hairunnizam. W., Ahmad, S., & Kader, R. A. (2011). Pengaruh faktor keagamaan terhadap kualiti hidup individu: Kajian kes asnaf fakir dan miskin di wilayah persekutuan kuala lumpur. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 14(1): 176-196.
- Hamza, S. L. K. (2000). The effect of religiosity, *socioeconomic status and ethic intensity on the Malay consumer's purchasing decision*. Unpublished PhD. dissertation, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.
- Harun, D., Mohd Sulaiman, Y., Hassan, S & Sidi. (1991). *Manusia dan Islam*. Vol. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris, A. (2000). Teks Usrah Peringkat Pengenalan. Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Iman Salleh & Sanep Ahmad (2011). Indeks Keyakinan Terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS): Kajian Kes Kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Prosiding Perkem VI*, Jilid 1(1): 115–123.
- Ismail Muhd Salleh & Rogayah Ngah. (1980). Distribution of the Zakat Burden on Padi Producers in Malaysia. In M. Raquibuz Zaman (ed.), *Some Aspects of the Economics of Zakat*. New York: American Trust Publication, pp. 81-153.
- Jehle, Geoffrey A. (1994), Zakat and Inequality: Some Evidence From Pakistan. *Review of Income and Wealth*, Series 40, Number 2.
- Kamil Md Idris, Chek Derashid & Engku Ismail. (1997). Zakat penggajian: Suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan muslimin negeri Perlis. Kertas kerja di bentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Laporan Zakat Selangor (2013). Lembaga Zakat Selangor.
- Maymunah, I., Siti Mariam A., & Maizatul Saadiah M. (2011). *Prestasi Zakat dan Agihan Zakat di Negeri Melaka*.
- Md Hairi Md Hussain, Kamil Md. Idris & Ram Al-Jafri Saad. (2012). Ketelusan di Dalam Tadbir Urus Institusi Zakat. In *Seminar Isu-isu Kontemporari Zakat Malaysia*.
- Mohamed Dahan Abdul Latif. (1998). Zakat Management and Administration in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. (2002). Lokalisasi Zakat: Satu Kajian Teoretis. Kertas Kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. (2006). Lokalisasi Pengagihan Zakat: satu Cadangan Teoretis. Dalam Hailani & Abdul Ghafar (penyt). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Muharman Lubis et al. (2012). Enhancement of Zakat Distribution Management System: Case Study in Malaysia.
- Murdie, R. A., Rhyne, D. & Bates, J. (1992). Modeling Quality of Life Indicator in Canada: A Feasibility Analysis. Ottawa: Canada Mortgage and Housing Corporation.
- Norazlina Abd Wahab & Abdul Rahim Abdul Rahman (2013). Determinants of Efficiency of Zakat Institution in Malaysia: A Non-Parametric Approach. *Asian Journal of Business and Accounting*, 6(2).
- Patmawati Ibrahim. (2008). Pembangunan Ekonomi melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Jurnal Syariah*, Vol. 16(2): 223-244.
- Riaz, H. (2005). On being religious: Pattern of religious commitment in Muslim societies. *The Muslim Worlds*, 97(3): 437-478.
- Rosbi Abd Rahman & Sanep Ahmad. (2010). Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid Al-Syariah. *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*.
- Saladin, M. R., Harun, M. F., Salleh, A. M., & Idris, N.A. (2011). Poverty Measurement in Malaysian Zakat Institutions: A Theoretical Survey. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 45: 123-129.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2005). Persepsi agihan zakat dan kesannya terhadap pembayaran zakat melalui institusi formal. *Jurnal ekonomi Malaysia*, 39: 53-69.
- Sanep Ahmad & Zulkifli. (2010). Model Gelagat Pematuhan dan Pengelakan Zakat: Suatu Tinjauan Teori. *Seventh International Conference - The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*, Bangi.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). Penswastaaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal*.
- Seashore, S. E. (1978). Indicator of the Quality of Working Life. Dlm *Indicator of Environment Quality and Quality of Life*, pp. 9-31. Paris: UNESCO.
- Sekaran, U. (2010). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Singapore: John Wiley & Sons.
- Sirgy, M. J. (2002). *The Psychology of Quality of Life*. Kluwer Academic Publisher, Dordrecht, The Netherlands.
- Stiglitz, J. E. (2012). *The Prie of Inequality*, Norton Company, New York London.
- Tabachinick, B. G & Fidel, L. S. (2001). *Using Multivariate Statistic*. Needham Height: Alyn & Bacon.
- Unit Perancang Ekonomi (2013). *Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Zarina Kadri et al. (2012). Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. Vol. 2: 1263–1273.